



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 23 FEBRUARI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 23 Februari 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **4,055 kes** (256,678 kes kumulatif, 89.1%);
- Kes baharu : **2,468 kes** (288,229 kes kumulatif);
- Kes import : **4 kes** (2 warganegara; 2 bukan warganegara)
- Kes tempatan : **2,464 kes** [1,549 warganegara (62.9%); 915 bukan warganegara (37.1%)];
- Kes aktif : **30,475 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **196 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **92 kes**; dan
- Kes kematian : **14 kes** (1,076 kes kumulatif, 0.37%).

Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **932 kes (37.8 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **579 kes (62.1 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Johor sebanyak **428 kes (17.3 peratus)** dan Perak sebanyak **308 kes (12.5 peratus)**.

Sebanyak **175 kes (7.1 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di penjara dan depot tahanan imigresen yang membabitkan Kluster Tembok Bendera (107 kes), Kluster Tembok Bukit Besi (36 kes), Kluster Tembok Pengkalan Chepa (19 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (9 kes), Kluster Penjara Seberang Perai (2 kes), Kluster Penjara Jalan Sungai Jelok (1 kes), dan Kluster Penjara Kepayan (1 kes).

Kes-kes kematian pada hari ini melibatkan 10 kes di Selangor, dua (2) kes di Sarawak, dan masing-masing satu (1) kes di Johor dan Sabah. Sebanyak 13 kes kematian melibatkan warganegara dan satu (1) kes bukan warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut

negeri adalah seperti di **Lampiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

### **MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER**

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 23 Februari 2021:

- Jumlah kluster : **1,095 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **13 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **586 kluster** (termasuk **lapan (8) kluster** yang tamat pada hari ini iaitu **Kluster Taman Kesedar, Kluster Jalan Manan, Kluster Bah Sayap, Kluster Dialisis Malim, Kluster Kampung Bukit Putera, Kluster Bersepadu, Kluster Kilang Setapak, dan Kluster Jalan Canang Emas**);
- Jumlah kluster aktif : **509 kluster**;
- Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **90 kluster**; dan
- Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Tapak Bina Digital Lapan (131 kes), Kluster Tembok Bendera (107 kes), dan Kluster Jalan Pelabuhan (95 kes)**.

## **KLUSTER BAHARU**

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **13 kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini, yang melibatkan 11 kluster berkaitan tempat kerja dan dua (2) kluster melibatkan komuniti.

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

<b>No.</b>	<b>Nama Kluster</b>	<b>Negeri</b>	<b>Kategori Kluster</b>
1	Tapak Bina Digital Lapan	Johor	Tempat Kerja
2	Jalan Wawasan 16	Johor	Tempat Kerja
3	Jalan Cyber Sembilan	Johor	Tempat Kerja
4	Jalan Tebrau Pandan	Johor	Tempat Kerja
5	Jalan Damai	Selangor	Tempat Kerja
6	Jalan Serendah	Selangor	Tempat Kerja
7	Subang Tiga	Selangor	Tempat Kerja
8	Jalan Setiawangsa	WP Kuala Lumpur	Tempat Kerja
9	Jalan Bayam	WP Kuala Lumpur	Tempat Kerja
10	Tapak Bina Jalan Ekar	Negeri Sembilan	Tempat Kerja
11	Jalan PKNK 3/3	Kedah	Tempat Kerja
12	Taman Mawar	Sabah	Komuniti
13	Jalan Muhibbah	Sarawak	Komuniti

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

23 Februari 2021 @ 6.00 petang.

**LAMPIRAN 1**

**BILANGAN KES COVID-19  
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 23 FEBRUARI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SELANGOR</b>	932 (2)	96,237
<b>SABAH</b>	94	52,268
<b>JOHOR</b>	428	34,452
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	155	33,798
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	100	14,148
<b>PULAU PINANG</b>	155	10,878
<b>PERAK</b>	308	9,776
<b>SARAWAK</b>	133	8,297
<b>KEDAH</b>	15	7,510
<b>MELAKA</b>	22	5,887
<b>KELANTAN</b>	96	4,611
<b>PAHANG</b>	11	3,721
<b>TERENGGANU</b>	9	3,144
<b>WP LABUAN</b>	6 (2)	2,242
<b>WP PUTRAJAYA</b>	4	1,053
<b>PERLIS</b>	0	207
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>2,468 (4)</b>	<b>288,229</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import

**Kes positif 2,468 kes COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 23 Februari 2021 adalah seperti berikut:**

- **Selangor: 932 kes**

- 172 kes daripada kluster-kluster, termasuk 37 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Damai, Kluster Subang Tiga, dan Kluster Jalan Serendah**;
- 407 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Dua (2) kes import dari luar negara; dan
- 351 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 428 kes**

- 192 kes daripada kluster-kluster, termasuk 148 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Tapak Bina Digital Lapan, Kluster Jalan Wawasan 16, Kluster Jalan Cyber Sembilan, dan Kluster Jalan Tebrau Pandan**;
- 145 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- 91 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: 308 kes**
  - 296 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - Sembilan (9) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 155 kes**
  - 61 kes daripada kluster-kluster, termasuk 54 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Setiawangsa dan Kluster Jalan Bayam**;
  - 30 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 64 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Pulau Pinang: 155 kes**
  - 77 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 42 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 36 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Sarawak: 133 kes**
  - 79 kes daripada kluster-kluster, termasuk 17 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Muhibbah**;
  - 19 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 35 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.



- **Negeri Sembilan: 100 kes**
  - 74 kes daripada kluster-kluster, termasuk 41 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Tapak Bina Jalan Ekar**;
  - 21 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Kelantan: 96 kes**
  - 55 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 30 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 11 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Sabah: 94 kes**
  - 32 kes daripada kluster-kluster, termasuk 15 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Taman Mawar**;
  - 32 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 30 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Melaka: 22 kes**
  - Enam (6) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 14 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kedah: 15 kes**
  - Enam (6) kes daripada kluster-kluster, termasuk dua (2) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan PKNK 3/3**;
  - Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Pahang: 11 kes**
  - Dua (2) kes daripada kluster sedia ada;
  - Enam (6) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Terengganu: Sembilan (9) kes**
  - Lima (5) daripada kluster-kluster sedia ada;
  - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Wilayah Persekutuan Labuan: Enam (6) kes**
  - Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
  - Dua (2) kes import dari luar negara; dan
  - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Empat (4) kes** daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

### LAMPIRAN 3

Ringkasan 14 kes kematian pada 23 Februari 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	No. Kes	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1063	152232	Selangor	Perempuan (WN)	69	Hospital Sungai Buloh	Penyakit darah tinggi, dislipidemia, <i>hyperthyroidism</i> , dan jantung
1064	173328	Selangor	Perempuan (WN)	57	Jenazah dibawa ke Hospital Serdang	Penyakit kencing manis
1065	176346	Selangor	Lelaki (WN)	69	Hospital Serdang	Penyakit darah tinggi, dislipidemia, dan gout
1066	201331	Selangor	Lelaki (WN)	68	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, dan paru-paru obstruktif kronik (COPD)
1067	219561	Selangor	Lelaki (WN)	51	Hospital Sungai Buloh	Penyakit buah pinggang kronik, darah tinggi, strok, dan jantung
1068	228955	Selangor	Perempuan (WN)	77	Hospital Serdang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, <i>hyperthyroidism</i> , dan jantung
1069	237215	Johor	Lelaki (WN)	30	Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang	Tuberkulosis
1070	243166	Selangor	Lelaki (WN)	37	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
1071	247870	Sarawak	Lelaki (WN)	42	Hospital Sibul	-

1072	262086	Selangor	Perempuan (WN)	50	Jenazah dibawa ke Hospital Selayang	Penyakit darah tinggi
1073	262676	Selangor	Perempuan (WN)	74	Hospital Serdang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan <i>hyperparathyroidism</i>
1074	266174	Sarawak	Lelaki (WN)	76	Hospital Sibul	<i>Parkinson's disease</i>
1075	275948	Sabah	Lelaki (WN)	55	Jenazah dibawa ke Hospital Duchess of Kent, Sandakan	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan buah pinggang kronik
1076	255835	Selangor	Lelaki (BWN)	50	Jenazah dibawa ke Hospital Ampang	-

\*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

**Perincian 13 kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:**

**1. KLUSTER JALAN DAMAI**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Klang di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 pada 23 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Damai, Kampung Batu Belah, Klang. Sehingga 23 Februari 2021, sejumlah 95 individu telah disaring, di mana **18 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

**2. KLUSTER SUBANG TIGA**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Petaling di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 20 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Subang 3, *Subang Jaya Industrial Estate*, Petaling. Sehingga 23 Februari 2021, sejumlah 68 individu telah disaring, di mana **16 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### 3. KLUSTER JALAN SERENDAH

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Petaling, Sepang, Klang, dan Gombak di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 19 Januari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Serendah, *HICOM Industrial Estate*, Shah Alam. Sehingga 23 Februari 2021, sejumlah 1,000 individu telah disaring, di mana **30 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### 4. KLUSTER TAPAK BINA DIGITAL LAPAN

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kulai dan Johor Bahru di Johor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 16 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah tapak binaan yang terletak di Jalan Digital 8, Taman Perindustrian Kulai. Sehingga 23 Februari 2021, sejumlah 464 individu telah disaring, di mana **133 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### 5. KLUSTER JALAN CYBER SEMBILAN

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kulai di Johor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 20 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja

sebuah kilang yang terletak di Jalan Cyber 9, Taman Perindustrian Senai IV, Kulai. Sehingga 23 Februari 2021, sejumlah 199 individu telah disaring, di mana **12 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **6. KLUSTER JALAN TEBRAU PANDAN**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes indeks dalam kluster ini (iaitu kes ke-273897) dilaporkan positif COVID-19 pada 18 Februari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah pasar raya yang terletak di Jalan Tebrau Pandan, Johor Bahru. Sehingga 23 Februari 2021, sejumlah 112 individu telah disaring, di mana **18 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **7. KLUSTER JALAN WAWASAN 16**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Batu Pahat di Johor. Kes indeks dalam kluster ini (iaitu kes ke-273890) dilaporkan positif COVID-19 pada 18 Februari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kes-kes dalam kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Wawasan 16, Kawasan Perindustrian Sri Gading 2, Batu Pahat. Sehingga 23 Februari 2021, sejumlah 138 individu telah disaring, di mana **tujuh (7) kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.



## **8. KLUSTER JALAN SETIAWANGSA**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Titiwangsa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 pada 23 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah pasar raya yang terletak di Taman Setiawangsa, Titiwangsa. Sehingga 23 Februari 2021, sejumlah 120 individu telah disaring, di mana **51 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **9. KLUSTER JALAN BAYAM**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Cheras dan Titiwangsa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 11 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah pasar raya yang terletak berhampiran Jalan Bayam, Cheras. Sehingga 23 Februari 2021, sejumlah 128 individu telah disaring, di mana **13 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **10. KLUSTER JALAN MUHIBBAH**

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Betong di Sarawak. Kes indeks dalam kluster ini (iaitu kes ke-274498) dilaporkan positif COVID-19 pada 18 Februari 2021 hasil saringan individu

bergejala. Kluster ini **melibatkan satu majlis sosial** yang berlangsung di Jalan Muhibbah, Betong. Sehingga 23 Februari 2021, sejumlah 110 individu telah disaring, di mana **18 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

#### **11. KLUSTER TAPAK BINA JALAN EKAR**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Seremban di Negeri Sembilan. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 9 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah tapak binaan yang terletak di Jalan Ekar 1/3, Kampung Rantau, Seremban. Sehingga 23 Februari 2021, sejumlah 170 individu telah disaring, di mana **50 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

#### **12. KLUSTER TAMAN MAWAR**

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Sandakan di Sabah. Kes indeks dalam kluster ini (iaitu kes ke-286694) dilaporkan positif COVID-19 pada 23 Februari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini **melibatkan satu majlis sosial** yang berlangsung di Taman Mawar, Sandakan. Sehingga 23 Februari 2021, sejumlah 15 individu telah disaring, di mana **kesemua kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### 13. KLUSTER JALAN PKNK 3/3

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kuala Muda di Kedah. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 16 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan PKNK 3/3, Kawasan Perindustrian Sungai Petani, Kuala Muda. Sehingga 23 Februari 2021, sejumlah 255 individu telah disaring, di mana **40 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.